

TEORI 'UMRAN

Penjana Kemakmuran Negara

Mahayudin Hj Yahaya

UNISSA Press
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Negara Brunei Darussalam
1439H/2018M

Penerbit:

UNISSA Press

Pusat Penyelidikan dan Penerbitan

Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Simpang 347, Jalan Pasar Baharu

BE1310, Gadong

Negara Brunei Darussalam

Tel: +673 2462000 ext. 332

Laman Web: www.unissa.edu.bn

© Mahayudin Hj Yahaya

Cetakan Pertama 2018

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

**Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan (Cataloguing-in-Publication)**

MAHAYUDIN HJ YAHAYA

Teori umran penjana kemakmuran negara / Profesor
Dr.Mahayudin Hj Yahaya – Bandar Seri Begawan : UNISSA
Press, 2018.

271p. 15.24cm x 22.86cm

ISBN 978-99917-82-96-6 (Softcover)

1. Ibn Khaidun, 1332 - 1406--Criticism and interpretation
2. Civilization, Islamic
3. Knowledge, Theory of I. Title

909.097671 MAH (DDC 23)

Reka Bentuk Hiasan Kulit Luar & Dicetak Oleh:

Syarikat Percetakan Juta Jaya

Negara Brunei Darussalam

PENAFIAN

Ini adalah dokumen yang tidak mengikat dan pandangan yang dinyatakan dalam buku ini adalah dari pengarang. Pandangan tersebut tidak semestinya merupakan pendirian rasmi Universiti Islam Sultan Sharif Ali.

KANDUNGAN

Kata Pengantar.....	xi
Prakata.....	xiii
Panduan Huruf Transliterasi.....	xv
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
Kajian Latar.....	1
Fokus Kajian.....	11
Rasional Kajian.....	34
Sumber Dan Metode Kajian.....	37
BAB 2 ISTILAH.....	43
Tamadun.....	43
Konsep Tamadun Menurut Albert Schweitzer.....	47
Madani-Madaniyyah.....	53
Madaniyyah.....	67
Modern.....	70
Hadarah.....	71
Thaqafah.....	95
Kebudayaan Dan Tamadun Dalam Kerangka Teori 'Umran.....	97
BAB 3 KAEDAH ILMU.....	99
Pengenalan.....	99
Ilmu Metafizik.....	102
Teori Ciptaan Dan Pemeliharaan Tuhan.....	104
Sains Fizik.....	109
SAINS DALAM AL-QUR'AN.....	114
BAB 4 'UMRAN.....	125
Pengenalan.....	125
Definisi 'Umran.....	127
Sumber 'Umran.....	139
Pembentukan 'Umran.....	141

BAB 5 ILMU ‘UMRAN.....	147
Pengenalan.....	147
Skop Ilmu ‘Umran.....	154
‘Umran Dalam Al-Qur’ An	170
Pengenalan.....	170
BAB 6 PENGURUSAN PEMBANGUNAN MODEN DAN ‘UMRAN.....	185
Pengenalan.....	185
Teori Sejarah.....	187
Kerangka Pemikiran Sejarah Moden	190
Teori Pembangunan Dari Kacamata Sejarah Moden.....	190
Teori Sosiologi	192
Kerangka Pemikiran Sosiologi Moden	193
Teori Kemakmuran Sejangat (TeKS).....	200
Perbandingan Antara Teori Moden Dan TeKS.....	202
BAB 7 PROGRAM PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ISLAM.....	209
Pengenalan.....	209
Teori Pengurusan Pembangunan Islam.....	209
TeKS Dan Perlaksanaannya Di FPPI.....	223
Pengkajian TeKS DI FPPI.....	224
<i>(THE FIELDS OF TeKS STUDY IN THE FAULTY OF DEVELOPMENT MANAGEMENT, UNISSA</i>	224
Politik	224
Sosial	225
Ekonomi	226
Kepimpinan (<i>Leadership</i>).....	227
PENGURUSAN Teks (<i>MANAGEMENT OF TeKS</i>)	228
TeKS DAN PEMBANGUNAN (<i>Teks AND DEVELOPMENT</i>)	229
TeKS Dalam Pengurusan Pembangunan Islam Di Brunei.....	230
TeKS Dan Negara Zikir	231

TeKS Dalam Wawasan 2035	231
Kesimpulan.....	235
Perbezaan ‘Umran Dan Tamadun.....	236
Cadangan	241
Glosari 1	247
Glosari 2	255
Lampiran A.....	259
Lampiran B.....	261
Teks Arab Dari Muqaddimah Ibn Khaldun	265
Bibliografi.....	267

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kerana dengan limpah kurniaNya jua, pihak UNISSA dapat menerbitkan sebuah buku yang bertajuk “Teori ‘Umran Penjana Kemakmuran Negara” hasil karya Profesor Dr Mahayudin Hj Yahaya.

Buku ini membincangkan konsep ‘Umran ciptaan Ibn Khaldun, seorang ahli fikir Islam yang sangat terkenal bukan sahaja di dunia Islam tetapi juga di dunia Barat. Beliau mempunyai pemikiran kritis, inovatif, kreatif dan produktif bukan sahaja dalam bidang sejarah tetapi hampir semua ilmu yang dipelajarinya termasuk ilmu ‘Umran.

‘Umran merupakan suatu ilmu baharu yang direka khas bagi menangani isu-isu pengurusan dan pembangunan umat islam yang menjadi punca kelemahan dan kejatuhan umat islam.

Prof Mahayudin telah berusaha hampir lima belas tahun mentelaah buku *Muqaddimah* Ibn Khaldun sehingga beliau berjaya menggarap ilmu ‘Umran untuk dijadikan model pembangunan negara.

Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, yang baharu sahaja ditubuhkan pada 2 Januari 2017 akan cuba melaksanakan teori ‘Umran dengan menawarkan kursus-kursus yang berkaitan dengan pengurusan dan pembangunan Islam di peringkat Pra-Siswaza dan Pasca-Siswazah. Di dalam buku ini penulis telah membincangkan teori ‘Umran dengan membandingkan dengan teori-teori moden dalam aspek pengurusan dan pembangunan dengan

memberikan contoh-contoh yang jelas mengenai kelebihan teori 'Umran berbanding teori moden.

Dengan terbitnya buku ini, diharapkan ianya akan dapat dimanfaatkan dan dijadikan bahan rujukan kepada umat Islam, terutama mengenai bidang pengurusan dan pembangunan manusia dan alam sekeliling.

Akhirnya, diucapkan setinggi penghargaan dan tahniah kepada penulis buku ini iaitu Profesor Mahayudin, Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, UNISSA, dan juga kepada pegawai-pegawai Pusat Penyelidikan dan Penerbitan (PPP) UNISSA yang berkerja keras bagi mengendalikan penerbitan buku ini.

Semoga usaha yang berkebakjikan ini akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Dr Haji Norarfan bin Haji Zainal
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

PRAKATA

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء
والمرسلين، سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين، أما بعد:

Segala pujian hanya bagi Allah Tuhan Sekalian Alam Yang Maha Kaya, Maha Berkuasa dan lagi Maha Bijaksana bagi mengatur perjalanan alam dan kehidupan manusia dari awal kejadian hingga ke hari pembalasan. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad *sallallahu `alaihi wasallam* dan kaum keluarganya, serta para sahabat *radiyallahu `anhum* dan *tabi`in al-tabi`in*.

Alhamdulillah, dalam suasana alam yang dipenuhi pancaroba, kemusnahan, dan kerosakan akibat keganasan dan malapetaka yang mengancam keamanan dan keselamatan dunia ketika ini, kita masih lagi berupaya dan diberikan peluang dan ruang yang secukupnya untuk membincangkan mengenai situasi yang berlaku dalam masyarakat dan negara sehingga ke peringkat antarabangsa. Ini merupakan suatu tanggungjawab kita bersama bagi mencari jalan keluar dan cara-cara yang terbaik untuk mengatasi isu-isu tersebut demi kemakmuran, keamanan, kesejahteraan dan masa hadapan dunia dan umat manusia sejagat.

Dalam kajian ini penulis cuba memperkenalkan satu teori baharu yang cukup bermakna bagi menangani masalah-masalah semasa yang dihadapi umat islam. Ini khusus dalam bidang pengurusan dan pembangunan bagi menjamin masa hadapan umat islam pada hari ini dan generasi akan datang. Ilmu yang dimaksudkan ini adalah ilmu 'Umran ciptaan Ibn

Khaldun, seorang sarjana muslim yang amat terkenal sejak abad ke 14 Masehi hingga hari ini di rantau Asia Tenggara.

Justeru telah lahir beberapa institusi pendidikan tinggi yang mengabadikan nama beliau termasuk Universiti Ibn Khaldun, Bogor Indonesia. Teori 'Umran diperkenalkan untuk dijadikan wadah dan falsafah di Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.

Dalam kesempatan ini penulis ingin menyampaikan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada banyak pihak kerana sumbang bakti mereka yang tak terhingga sehingga kajian ini dapat dilaksanakan dalam tempoh yang dirancang, tidak terkecuali isteri saya, Rozaine dan anak-anak kami, Amirah, 'Afifah, Mohd Akmal, Mohd Adie, dan Muhammad 'Azim.

Penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada sidang editor dan penerbit Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang telah sudi menerima dan seterusnya menerbitkan manuskrip ini. Tanpa kerjasama mereka semua sudah pasti kajian ini tidak dapat dijelmakan sepertimana yang ada sekarang. Saya mendoakan semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* melimpahkan rahmat, taufik dan hidayatNya kepada mereka semua.

Sifat manusia memang lemah dan tidak sempurna; yang sempurna hanya Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Oleh itu, jika terdapat sebarang kekurangan dan kecacatan di dalam kajian ini, maka itu adalah daripada saya sendiri. Saya mohon maaf di atas segala kekurangan dan menerima sebarang teguran yang membina demi kebaikan dan kesejahteraan ummah.

Mahayudin Hj Yahaya

PANDUAN HURUF TRANSLITERASI

Dalam buku ini terdapat perkataan-perkataan Arab. Sebagai panduan kepada pembaca, kaedah panduan huruf transliterasi Arab-Latin adalah seperti berikut:

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	Ā	ط	ṭ
ب	B	ظ	ẓ
ت	T	ع	‘
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	p
ح	ḥ	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	D	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	R	ن	n
ز	Z	و	w/ū
س	S	هـ	h
ش	Sh	ء	’
ص	ṣ	ي	y/ī
ض	ḍ		

Huruf-huruf Mad

ا	ā
و	ū
ي	ī



PENDAHULUAN

KAJIAN LATAR

Kajian ilmiah terhadap *Muqaddimah* Ibn Khaldun mula diperkenalkan pada tahun 1918 oleh Dr Taha Husayn menerusi tesisnya dalam bahasa Perancis dan diterjemahkan ke bahasa Arab oleh Abdullah Inan pada tahun 1926 dan diterbitkan di Kaherah dengan judul "*Falsafah Ibn Khaldun al-Ijtima'iyah*" (Falsafah Sains Sosial Ibn Khaldun). Diikuti oleh pengkaji-pengkaji lain dari Eropah dan negara-negara Arab sekitar tahun-tahun 1920an, 1930an, 1940an dan 1950an. Dan seterusnya pengkaji-pengkaji mutakhir pada tahun-tahun 1990an dan 2020an. Hasil kajian mereka telah disiarkan dalam pelbagai bahasa, termasuk bahasa Arab, Inggeris, Perancis, Jerman dan Itali. Dari kajian-kajian tersebut ada yang pro dan ada yang contra. Tetapi kebanyakannya bersifat pro dan menyambut baik serta menyokong dan memberikan kata-kata pujian terhadap sumbangan Ibn Khaldun, termasuklah tokoh-tokoh terkemuka dari Eropah seperti Arnold Toynbee menerusi bukunya "*A Study of History*", Robert Flint dengan bukunya "*History of the Philosophy of History*", dan Erwin Rosenthal menerusi makalahnya "*Ibn Khaldun. A north African Muslim thinker of the fourteenth century*", dlm. *Rylands Library, Manchester, Bulletin*, 1940.

Di antara kajian-kajian ilmiah yang dihasilkan oleh orang Arab selepas Dr Taha Husayn ialah suatu kajian oleh Sati' al-Husari bertajuk "*Dirasat 'an Muqaddimah Ibn Khaldun*". Kajian ini telah diterbitkan secara berperingkat

sejak tahun 1943. Kajian lengkapnya diterbitkan pada tahun 1952 di Cairo. Setelah itu diulang cetak sebanyak dua kali. Pada tahun 1967 muncul edisi terbaharu yang lebih lengkap dan menyeluruh dalam bentuk “*muwassa`ah*” dan diterbitkan di Cairo dan Beirut.

Dalam kajiannya, Sati` al-Husari telah menggunakan kaedah “analisis perbandingan”. Beliau telah membandingkan sumbangan Ibn Khaldun dengan sumbangan tokoh-tokoh sejarah dan sosiologi Eropah pada zaman moden. Pada masa sama berusaha mempertahankan kewibawaan Ibn Khaldun serta menangkis segala tohmahan dan kritikan terhadap kajiannya dengan menganalisis data serta mengemukakan hujah-hujah ilmiah yang bernas, di samping memperbetulkan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pihak yang kurang bersetuju dengan Ibn Khaldun, termasuk Dr Taha Husayn dan Muhammad Farid Wajdi. Namun begitu, skop kajian Sati` al-Husari tidak banyak berbeza dari kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya iaitu bertumpu pada ilmu sejarah dan sosiologi (*ilm al-Ijtima`*) dan tidak lebih daripada itu dalam bentuk yang lebih luas sepertimana yang dikehendaki oleh Ibn Khaldun. Peranan Sati` al-Husari hanya semata-mata untuk menangkis tohmahan terhadap Ibn Khaldun dan memperbetulkan kesilapan-kesilapan kajian-kajian lalu mengenai *Muqaddimah* Ibn Khaldun.

Sati` al-Husari juga tidak membincangkan konsep “*umrān*”, *al-`umrān al-bashari* dan “*umran al-`alam*” secara tuntas sama ada dari segi bahasa atau istilah dan tidak pula menyenaraikan konsep-konsep tersebut ke dalam bab-bab kandungan buku yang ditulisnya. Di antara sebabnya ialah kerana beliau memfokuskan pada konsep “*asabiyyah*” dan buka pada *Umran* atau *Umran al-`alam* berdasarkan kata-kata beliau sendiri iaitu “*asabiyyah* merupakan aspek utama bagi keseluruhan kajian dan teori yang dikemukakan

oleh Ibn Khaldun dan diibaratkan sebagai “tema” (*mihwar*) kajian ilmu sains sosial dan sosiopolitik dalam *Muqaddimah*”.¹ Beliau seterusnya menterjemahkan ‘*Umran*’ dengan makna “*ijtima*” (pemuafakatan atau kerjasama masyarakat). Terjemahan ini dilakukan ketika beliau memetik kata-kata Ibn Khaldun dengan meletakkan perkataan “*al-ijtima*” dalam kurungan selepas perkataan “‘*Umran*’”. Petikannya adalah seperti berikut: kata Ibn Khaldun, “Negara dan kekuasaan (*al-dawlah wa al-mulk*) bagi ‘*Umran (al-ijtima)*’ ibarat rupa bentuk (*surah*) dengan jirim (*maddah*)” dan dialah yang memelihara kelangsungan dan *survival* negara dan kekuasaan kedua-duanya tidak boleh dipisahkan (yakni antara bentuk dengan jirim); negara dan kekuasaan tanpa ‘*umran*’ tidak dapat dibayangkan bagaimana akan terjadi, begitu juga ‘*umran*’ tanpa negara dan kekuasaan tidak mungkin wujud”². Dalam pada itu beliau seolah-olah cenderung pula menterjemahkan ‘*umran*’ kepada *hadarah* (tamadun) apabila beliau menyatakan bahawa Ibn Khaldun adalah “orang pertama yang cuba menulis sejarah tamadun secara lengkap” (*awwal man hawala kitabah tarikh al-hadarah bi manaha al-shamil*)³. Ini menunjukkan bahawa beliau sendiri kurang pasti apakah ‘*umran*’ memberi maksud *ijtima*’ (masyarakat) atau *hadarah* (tamadun). Kedua-dua tafsiran ini, pada pandangan kita, telah tersasar dari makna ‘*umran*’ yang dimaksudkan oleh Ibn Khaldun.

Setelah itu lahir pula satu lagi kajian yang dilakukan oleh sarjana dari Maghribi iaitu Muhammad `Abid al-Jabri bertajuk “*Fikr Ibn Khaldun al-`Asabiyyah wa al-Dawlah*”. Dalam kajian ini al-Jabri telah mengulas dengan lebih lanjut dan terperinci isi kandungan *Muqaddimah* dengan

¹ Sati` al-Husari, *Dirasat `an Muqaddimah Ibn Khaldun*, Maktabah al-Khanji dar al-Kitab al-`Arabi, Cairo-Beirut, 1967, hlm.333.

² *Ibid.* hlm. 356.

³ *Ibid.* hlm.264.

menterjemah makna dan maksud istilah-istilah yang digunakan dalam *Muqaddimah* serta memberikan ulasan dan pandangannya terhadap kajian Sati` al-Husari, termasuklah konsep “*asabiyyah*” yang menurut Sati` al-Husari, menjadi tema “*mihwar*” *Muqaddimah*. Walaupun dalam banyak hal beliau bersetuju dengan Sati` al-Husari, tetapi dari segi tema “*asabiyyah*” beliau kurang bersetuju. Menurut al-Jabri, *dawlah* (negara) dan *mulk* (kekuasaan) menjadi tema kajian Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* dan bukan *asabiyyah*, sepertimana yang didakwa oleh al-Husari. Menurut beliau, tiada hubungan langsung antara masyarakat *badawi* dan *hadari* dengan semangat *asabiyyah*, sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pengkaji, termasuk Sati` al-Husari. Walaupun *asabiyyah* merupakan faktor penting dan menjadi tulang belakang kajian Ibn Khaldun mengenai negara dan kekuasaan. Namun, menurut beliau ia bukanlah menjadi tema atau *ghayah* (matlamat) kajian *Muqaddimah* Ibn Khaldun Tetapi di sebaliknya, *mulk* (kekuasaan) dan *dawlah* (negara) dijadikan tema. Manakala *asabiyyah* hanya sebagai *wasilah* atau cara untuk mewujudkan negara dan kekuasaan. Begitu jugalah dengan pertentangan antara masyarakat *baawi* dan *hadari* tidak pernah dijadikan tajuk kajian dan pengajian Ibn Khaldun. Malah kewujudan kedua-dua puak tersebut tidak boleh dianggap sebagai suatu pertentangan antara ‘*umran badawi* dan ‘*umran hadari* tetapi hanya sebagai suatu pertalian atau tangga peningkatan yang dilalui ‘*umran*, iaitu dari ‘*umran badawi* kepada ‘*umran hadari* dan bukan suatu pertentangan antara dua keadaan kehidupan. Walaupun benar, kata al-Jabri, bahawa Ibn Khaldun pernah menyatakan beberapa kali dalam *Muqaddimah* tentang berlakunya perubahan dari kehidupan kebadawian (*badawah*) kepada *hadarah*, tetapi perubahan ini bukanlah disebabkan oleh pertembungan sosial, tetapi mengikut tabiat kehidupan semula jadi (*al-tabi*). Sesungguhnya *badawi* dan *hadari*, ‘*asabiyyah* dan *hadarah* merupakan di antara fenomena ‘*umran* yang bersangkutan dengan negara

(*dawlah*) bagi menggambarkan rupa bentuk ‘*umran* yang bertindak sebagai “pemelihara” kehidupan dan kelangsungannya, dan pada masa sama menjadi tema (*mihwar*) bagi seluruh kajian ‘*umran* Ibn Khaldun”.⁴ Demikianlah pandangan al-Jabri mengenai Muqaddimah Ibn Khaldun.

Dari kenyataan itu tadi terdapat perbezaan pendapat yang nyata antara al-Husari dan al-Jabri bersabit dengan tema atau *mihwar* kajian *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Al-Husari lebih cenderung kepada *asabiyyah*, sementara al-Jabri pula pada negara dan kekuasaan.

Setelah itu muncul pula beberapa kajian mutakhir mengenai pemikiran Ibn Khaldun dengan tafsiran-tafsiran baharu. Kebanyakannya berfokus pada ‘*umran al-‘umran al-bashari* dan ‘*umran al-‘alam* dan bukan pada *asabiyyah* atau *dawlah* (negara).

Di antara yang menarik ialah dua buah kajian yang disiarkan dalam *The Journal of North African Studies*, vol.13, issue 3 September 2008, pp.331-349 dan kajian kedua disiarkan dalam jurnal yang sama pp. 351-361.

Kajian pertama bertajuk “*The structure of ‘umran al-‘alam of Ibn Khaldun*” oleh Djamel Chabane. Kajian kedua bertajuk “: *The The Concept of ‘Umran Heuristic Knot in Ibn Khaldun*” oleh Laroussi Amri.⁵

⁴ Muhammad ‘Abid al-Jabri (Dr), *Fikr Ibn Khaldun al-‘Asabiyyah wa al-Dawlah, Ma‘alim Nazariyyah Khalduniyyah fi al-Tarikh al-Islami*, Markaz Dirasat al-Wihdah al-‘Arabiyyah, al-Tab‘ah al-Khamisah, Beirut, 1992, hlm. 120.

⁵ Di samping dua makalah ini terdapat kira-kira 800 makalah lagi yang disiarkan dalam internet di bawah tajuk “ ‘Umran Ibn Khaldun”, tetapi kebanyakannya merujuk kepada sumber sekunder dan mengulangi kajian-kajian lepas tanpa sebarang penambahan

Dalam kajian pertama penulisnya telah menyatakan perbezaan makna 'umran dengan hadarah. 'Umran diterjemahkan kepada "urbanization" dan hadarah kepada "civilization". Perbezaan makna ini penting kerana 'umran merupakan asas atau tapak pembinaan pemikiran besar Ibn Khaldun ('umran is the foundation of the Intellectual edifice or structure of Ibn Khaldun).

Dalam kajian kedua pula penulisnya telah menyatakan tentang pripentingnya 'umran sebagai suatu konsep yang telah diaplikasikan oleh Ibn Khaldun kepada tamadun dunia (*world civilization*). Tegas beliau, " 'umran bukanlah suatu produk yang statik tetapi suatu proses yang "dinamik" dan sesuai dengan teori sains sosial moden. 'Umran, tegas beliau, merupakan pusat pemikiran dan pandangan hidup (*world view*) Ibn Khaldun.

Beliau membincangkan konsep 'umran Ibn Khaldun menerusi dua pendekatan. Pertama, berbentuk filologi iaitu bermula dari akar umbi kehidupan desa ('umran badawi) kepada kehidupan kota ('umran hadari), dan bagaiman Ibn Khaldun mengaplikasikan teorinya kepada kehidupan masyarakat dunia yang dilihatnya. Dari pendekatan ini beliau merumuskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan 'umran dalam konteks sosial hari ini ialah seorang itu tidak semestinya mengakhiri kehidupannya di kota. Kedua, beliau menggunakan pendekatan kajian perbandingan antara hasil

atau tinjauan semula terhadap teks *Muqaddimah*. Kajian-kajian ini boleh dianggap bersifat "simplistic" ketika memberi makna dan menterjemah perkataan " 'umran" dan menentukan ilmunya. Umumnya menterjemahkan 'umran sebagai peradaban, dan tamadun atau *civilization* tanpa memperkenalkan terlebih dahulu makna asal dan sejarah kemunculan istilah-istilah yang digunakan itu dan perbandingannya dengan istilah *hadarah*, *madaniyyah*, *tamaddun* dan

kajian Ibn Khaldun dengan hasil kajian para saintis sains sosial moden.

Ringkasnya, kedua-dua pengkaji tersebut telah membuat dua kesimpulan yang tepat. Pertama, Djamel Chabane telah meletakkan 'umran di kedudukan yang betul dan kukuh, iaitu sebagai "tapak pembinaan" pemikiran besar Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*" dan sekali gus menjadi "anak kunci" kepada proses pembinaan bangunan besar 'umran yang dihasratkan oleh Ibn Khaldun. Kedua, Laroussi Amri menganggap 'umran sebagai suatu konsep atau ilmu yang dinamik bagi melahirkan perubahan dalam masyarakat dunia dan sekali gus menjadi fokus kajian Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*. Tetapi sayangnya kedua-dua kajian ini adalah terlalu umum dan ringkas untuk menghuraikan konsep 'umran yang terlalu luas dan kompleks bukan sahaja dari segi bahasa dan istilah, tetapi juga dari segi skop dan ruanglingkupnya. Keadaan ini menyebabkan gagasan " 'umran al-'alam" dan al-'Umranal-bashari masih belum dapat difahami dengan sepenuhnya.

Sebelum ini, penulis sendiri telah melakukan tiga kajian berasingan yang berkait langsung dengan tajuk ini. Kajian pertama berfokus pada sejarah, definisi sejarah dan hubungan sejarah dengan masyarakat dan 'Umran bertajuk "Persejarahan Islam". Kajian ini telah merumuskan dua perkara. Pertama, kitab *Muqaddimah* merupakan sumber utama persejarahan Islam. Kedua, wujudnya hubungan langsung antara sejarah (*tarikh*) dengan tindak tanduk masyarakat (*ijtima` insani*) dan 'umran. Dengan erti kata lain, terdapat dua perkara pokok dalam hubungan ini. Pertama, sejarah sebagai peristiwa masa lalu hasil tindak tanduk masyarakat yang melahirkan 'Umranal-'alam.

Kedua, hubungan antara masa lalu (sejarah) dengan masa kini (sosiologi) dan masa hadapan ('*umran*).⁶

Kajian kedua berfokus pada pemikiran Islam dalam *Muqaddimah* Ibn Khaldun⁷ Pemikiran Islam dibahaskan dari perspektif sejarah, persejarahan dan fungsi sejarawan. Kajian ini merumuskan bahawa pemikiran Ibn Khaldun mengenai sejarah (*tarikh*), dan falsafah sejarah adalah bersumberkan al-Qur'an. Untuk melayakkan seseorang menjadi sejarawan tulen mestilah memiliki syarat-syarat yang ditentukan oleh ajaran Islam termasuk sifat amanah, tanggungjawab dan berilmu. Rumusan kedua, sejarah dan persejarahan mempunyai pertalian langsung dengan masyarakat yang bertindak sebagai "hamba Allah" dan "Khalifah di muka bumi" bagi memakmurkan bumi sehingga tercetusnya kemakmuran sejagat ('*Umranal-alam*) sepertimana yang terkandung dalam definisi sejarah (*tarikh*) oleh Ibn Khaldun⁸. Menurut Ibn Khaldun, manusia memainkan peranan utama bagi mencetuskan sejarah hasil kerjasama antara mereka dan interaksi mereka dengan alam yang berada di sekeliling mereka. Hasil kerjasama dan interaksi inilah yang melahirkan negara, kekuasaan,

⁶ Kajian ini telah disiarkan dalam *Jurnal Jebat*, Jabatan Sejarah UKM pada akhir tahun 1978. Lihat Mahayudin Hj Yahaya, *Pengertian Sejarah Islam dan Permasalahannya*, Penerbit Sarjana, 1984. Kuala Lumpur. Tajuk yang sama diulangi oleh Amat @ Anwar Zainal Abidin dalam kertas kerjanya berjudul "Tarikh, 'Umran dan Hadarah dalam Muqaddimah Ibn Khaldun" yang dibentangkan dalam *Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (MACASIC)* pada 29-30 Disember 2009, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.

⁷ Kertas kerja ini ditulis dalam bahasa Arab bertajuk الفكر الإسلامي في مقدمة ابن خلدون

⁸ Pelbagai tafsiran yang diberikan mengenai erti "'*umran*" (lihat perbincangannya di bawah). Dalam kajian ini '*umran* diertikan sebagai kemakmuran.

seterusnya kemakmuran (*'umran*) dan kemakmuran sejagat (*'Umranal-`alam*).

Ibn Khaldun telah membincangkan banyak perkara, tetapi yang menjadi pokok persoalan ialah manusia, masyarakat dan aktiviti masyarakat (*insan, bashar, ijtima`insani*) yang melahirkan sejarah, negara, kekuasaan dan kemakmuran (*tarikh, dawlah, mulk, `umran*). Tugas manusia sebagai “Khalifah” di muka bumi ialah memakmurkan alam bagi kehidupan manusia yang lebih sempurna dan kelangsungannya. Ini selari dengan maksud ayat al-Quran dalam surah Hud (11) ayat 61 dan surah al-Rum (30) ayat 9. Menurut beliau lagi, nilai-nilai etika, amanah, ikhlas, jujur, bercakap benar, telus dan ilmu pengetahuan merupakan prasyarat untuk melayakkan seseorang menjadi sejarawan sejati supaya dapat menghasilkan penulisan sejarah tulen. Semua ini adalah inti sari ajaran Islam yang telah dibahaskan oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*nya. Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam seminar Jabatan Bahasa Arab, Institut Pengajian Islam Sultan Omar Ali Saifuddin (IPISHOAS), Universiti Brunei Darussalam pada pertengahan Mac 2006.

Kajian ketiga berjudul “Konsep ‘Umrandan Aplikasinya di Alam Melayu” dan hasil kajian ini telah dibentangkan sebagai Kertas Dasar Ceramah Umum di Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM pada bulan April 2009.

Kajian ketiga ini bertumpu pada ‘Umran dari segi bahasa, istilah dan perlaksanaannya di Alam Melayu. ‘Umrandiartikan sebagai kemakmuran masyarakat dan negara yang dihasilkan melalui sejarah dan aktiviti masyarakat. Kemakmuran peringkat tertinggi yang disifatkan sebagai “kemakmuran sejagat (العالم عمران).

Kesarwajagatan 'Umran telah digambarkan dalam bentuk perubahan positif yang berlaku dalam masyarakat dan hubungan masyarakat dengan alam di sekelilingnya. Manusia dan alam dicipta bersama hukum dan peraturan yang lengkap oleh Allah Ta'ala. Hukum dan peraturan ciptaan Allah inilah yang menggerakkan masyarakat kepada sifat bekerjasama dan bermuafakat ke arah membangunkan masyarakat dan negara melalui semangat setiakawan dan patriotisme (atau *'asabiyyah* menurut istilah Ibn Khaldun) serta kuasa yang ada pada pihak pemerintah. Hasil kerjasama antara masyarakat dan negara serta kekuasaan yang diperolehi pihak pemerintah ini sahajalah yang seharusnya dapat mencetuskan suasana keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat dan negara yang diistilahkan sebagai "*'umran*" dan yang lebih luas "sejagat" sebagai "*'Umran al-'alam*". Hukum 'Umran dan *'Umran al-'alam* sama seperti hukum sejarah yang digerakkan oleh masyarakat sejak dahulu hingga ke hari kiamat.

Namun begitu, masih banyak lagi aspek yang belum disentuh dalam kajian ini termasuk metod kajian, falsafah *'umran*, hukum kejadian alam, alam tabii, kaedah dan tatakaedah ilmu, ilmu *'umran*, konsep 'Umran dalam al-Qur'an dan istilah-istilah yang berkaitan dengan *'umran*. Kesemua ini akan terangkum dan dibincangkan dalam kajian ini dan seterusnya dijadikan bahan kajian-kajian berikutnya iaitu *'Umran al-'alam*, pengaruhnya di Alam Melayu, dan diakhiri dengan perbandingan antara *'umran al-'alam* dengan gagasan 1Malaysia.

Kajian ini merupakan "kajian susulan" atau boleh juga dinamakan "kajian semula" bagi tujuan memperbaiki dan melengkapkan kajian-kajian sebelumnya kerana didapati banyak kekurangan dan kekosongan yang perlu diisi dan ditambah nilai serta diubahsuai selaras dengan dimensi *'umran* yang luas. Kajian ini juga cuba

membuktikan secara ilmiah tentang kewujudan kesepaduan dan keserasian antara teori 'umran Ibn Khaldun dengan 'umran dalam al-Qur'an serta implikasinya dalam kehidupan umat Islam pada hari ini.

Oleh itu diharapkan dengan kemunculan hasil kajian ini nanti akan dapat dimanfaatkan dan seterusnya memperbaharui dan mempertingkatkan lagi kefahaman kita mengenai pemikiran Ibn Khaldun, khususnya mengenai konsep 'umran dan teori 'umran dan seterusnya dapat dijadikan bahan perbincangan dan renungan bagi pengkaji-pengkaji muda yang bakal muncul.

Kajian yang bersifat "eksploratori" ini tidak akan berakhir di sini sahaja tetapi ia akan berlanjutan kerana ruanglingkup 'umran tidak ada batas dan sempadan. Kajian ini bolehlah dianggap suatu "provokasi" ke arah perkembangan dan percambahan ilmu yang tidak ada noktah selagi Allah mengizinkan. Dengan cara ini sahaja ilmu pengetahuan kita boleh bercambah dan berkembang dalam masyarakat dengan izinNya juga. Seperti kata Ibn Khaldun,"Semua ilmu adalah milik Allah dan Dialah yang memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakinya" (والله يهدي بنوره من يشاء).

FOKUS KAJIAN

Beberapa pandangan daripada beberapa orang pengkaji dari rantau Asia Barat mengenai fokus kajian Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* telah dikemukakan. Ada yang mengatakan *asabiyyah*, ada yang mengatakan *dawlah* dan ada pula yang mengatakan 'umran.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa *asabiyyah* ('*asabiyyah*) merupakan sebahagian daripada syarat-syarat

pembentukan, pengukuhan dan kelangsungan atau *survival* negara (*dawlah*) dan kuasa (*mulk*), kerana negara dan kuasa tidak akan wujud dan tidak dapat bertahan lama tanpa semangat setiakawan “asabiah”, tetapi kedua-duanya sama-sama menuju kepada suatu destinasi (*ghayah*) iaitu kemakmuran dan kesejahteraan manusia (*‘umran al-bashari*). Dengan kata lain, asabiah dan *dawlah* hanya merupakan cara “*wasilah*” untuk sampai kepada destinasi *‘umran al-bashari* dan banyak lagi cara lain yang boleh membantu untuk melahirkan *al-‘umran al-bashari* termasuk agama dan akhlak. Oleh kerana caranya banyak dan pelbagai sedangkan matlamat atau destinasinya hanya satu sahaja, maka kajian ini lebih mengutamakan yang satu kerana yang satu inilah yang menjadi tajuk ilmu yang diperkenalkan oleh Ibn Khaldun dan yang hendak disampaikan dalam kajian ini yang dikenali sebagai “*al-‘umran al-bashari wa al-ijtima` al-insani*”.⁹ Ini adalah berdasarkan kenyataan Ibn Khaldun sendiri yang mengatakan bahawa, “*hadha al-ijtima` daruriyun li-al-nawi` al-insani, willa, lam yakmul wujuduhum. Wa ma aradallahu Allah min i`timar al-`alam bihim wa istikhlafighi iyyahum; wa hadha huwa makna al-‘umran alladhi ja`alnahu mawdu`an li hadha al-ilm... thumma inna hadha al-ijtima` idha hasala li al-bashar... wa tamma `umranu al-`alam bihim, fala budda min wazi` yadfa`u ba`duhum `an ba`din..* (kerjasama masyarakat adalah penting bagi manusia. Tanpa kerjasama, mereka tidak boleh hidup dengan sempurna. Ini adalah kehendak Allah yang menjadikan manusia sebagai “Khalifah (di muka bumi)” bagi memakmurkan alam. Inilah yang dimaksudkan dengan “*umran*” yang kami jadikan sebagai “tajuk ilmu.” Apabila kerjasama dalam masyarakat terjadi maka akan terjadilah *umran al-`alam* “kemakmuran sejagat”. Namun, ini tidak akan terjadi tanpa kuasa (*wazi*)”¹⁰.

⁹ *Muqaddimah*, hlm.29.

¹⁰ *Muqaddimah*, hlm.34.

Dari kata-kata itu tadi jelas menunjukkan bahawa matlamat ‘*ghayah*’, kerjasama dan gotong royong (*ijtima al-insani*) sesama manusia sebagai “khalifah Allah di muka bumi” adalah bagi tujuan memakmurkan alam. Matlamat ini tidak mungkin tercapai tanpa mekanisma “*wasilah*” iaitu penguatkuasaan daripada pihak pemerintah. Yang memberi maksud bahawa kerjasama masyarakat dan negara yang memerintah merupakan prasyarat kelahiran *al-‘umran al-bashari* dan *‘umran al-‘alam*.

Dalam hal ini terdapat dua perkara pokok, pertama *wasilah* (cara atau jalan) dan kedua *ghayah* (matlamat atau sasaran). Pengkaji-pengkaji sebelum ini seperti Sati` al-Husari dan al-Jabri lebih mementingkan *wasilah* iaitu asabiah dan dawlah. Tetapi bagi kita lebih mementingkan matlamat “*ghayah*” daripada cara “*wasilah*” oleh kerana *ghayah* merupakan sasaran dan bidang perkongsian antara kesemua *wasilah* yang dikemukakan termasuk juga agama dan akhlak. Oleh kerana kemakmuran manusia (*al-‘umran al-bashari*) dan alam “*‘umran al-‘alam*” yang menjadi sasaran dan matlamat untuk dicapai oleh masyarakat dan negara, maka tidak dapat tidak ia menjadi perkara dasar walaupun kerjasama masyarakat “*ijtam` insani* dan *ijtima` al-bashari*” yang melahirkan semangat setiakawan atau asabiah, pemerintahan dan kuasa “*dawlah wa al-mulk*” turut berperanan bagi mencetuskan kemakmuran manusia dan alam *‘umran al-‘alam* tersebut. Di atas dasar inilah maka fokus kajian ini, dan juga kajian Ibn Khaldun tertumpu pada “*ghayah*” (*‘umran*) dan bukan pada *wasilah* (*‘asabiyyah* atau *dawlah*) walaupun kedua-duanya tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.

Dalam kajian ini kita akan memfokuskan sepenuhnya pada *‘umran* dan ilmu *‘umran* kerana kita anggap bahawa *‘umran* merupakan sasaran sebenar kajian Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* dan sekali gus menjadikan

tajuk ilmunya iaitu *ilm al-'umran* yang berfokus pada “*al-'umran al-bashari wa al-ijtima' al-insani*” (kerjasama dan kemakmuran masyarakat). Yang bermaksud bahawa kerjasama dalam kalangan masyarakatlah yang mencetuskan kemakmuran (*'umran*) dan kelangsungannya (البقاء).

Konsep “*'umran*” dianggap sebagai asas “*mihwar*” (*cornerstone*) bagi seluruh kajian dan teori Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah*. Walaupun sebelum ini ada pihak yang mendakwa asabiah “*asabiyyah*”¹¹ dan negara “*dawlah*”¹² yang menjadi fokus kajian Ibn Khaldun, tetapi pendapat-pendapat ini adalah tidak tepat berdasarkan hujah-hujah yang telah dinyatakan di atas dan akan dihuraikan selanjutnya.

Sebelum ini para pengkaji *Muqaddimah* Ibn Khaldun hanya melihat sejarah dan *'umran* dari sudut luarnya (*zahir*) sahaja dan tidak menyentuh soal hukum dan peraturan alam dan masyarakat yang mendasari ilmu sejarah dan ilmu *'umran* yang disifatkan sebagai unsur “*batin*” oleh Ibn Khaldun. Teori sejarah dan *'umran* yang dikemukakan oleh beliau ini dilihat sebagai suatu usaha baharu ke arah kesepaduan ilmu dengan menggunakan pendekatan “*dimensi pelbagai*” yang tersirat dalam hukum masyarakat (*tabi'at al-'umran*) yang menggabungkan antara pelbagai disiplin ilmu, *'aqli* dan *naqli* bukan sahaja terbatas pada ilmu sosiologi dan sejarah sepertimana yang didakwa oleh sesetengah pihak, tetapi juga ilmu-ilmu lain termasuk ilmu agama, sains dan matematik¹³.

¹¹ Lihat al-Husari dalam bukunya *Dirasat 'an Muqaddimah Ibn Khaldun*.

¹² Lihat al-Jabri dalam bukunya *Fikr Ibn Khaldun al-'Asabiyyah wa al-Dawlah, Ma'alim Nazariyyah Khalduniyyah fi al-Tarikh al-Islami*.

¹³ Keterangan lanjut mengenai kaedah kajian Ibn Khaldun, sila lihat di bawah tajuk “*Metode Kajian Ibn Khaldun*”.

Bagi merealisasikan pendekatan ini suatu kajian khusus dan mendalam mengenai kejadian alam semesta dan segala hukum dan peraturannya mengikut kaedah atau teori ilmu falsafah, ilmu sejarah, ilmu agama dan sains serta maksud ayat-ayat al-Qur`an yang berkaitan dengan kejadian alam akan dilakukan dalam bab khas kajian ini. Di samping itu suatu analisis data berhubung istilah-istilah yang digunapakai oleh Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* seperti *tamaddun*, *madaniyyah*, *hadarah*, *thaqafah* dan *'umran* turut dibincangkan¹⁴.

Dalam hal ini Ibn Khaldun menegaskan bahawa yang dikatakan ilmu atau teori *'umran* itu ialah "*al-'umran al-bashari wa al-ijtima' al-insani* yang sarat dengan pelbagai isu dan masalah, sama ada dalam bentuk zahir, jirim (*'arad*) atau batin. Tetapi, menurut beliau kesemua ilmu sama sahaja, sama ada yang bersifat *wad'i* (fizikal) atau *'aqli* (mental) sering dibebani perkara-perkara yang serupa¹⁵. Dengan kata lain, tugas ilmu *'umran* bukan sekadar mengkaji sejarah masyarakat dan kelahiran negara dan kuasa, tetapi yang lebih penting lagi ialah mengetahui hukum atau kanun "*tabi`at*" yang mengawal masyarakat dan negara berkenaan. Hukum atau kanun masyarakat dan negara tidak dapat dilihat dengan mata kasar, sepertimana kita melihat keadaan masyarakat atau jatuh bangunnya sesebuah negara. Akan tetapi oleh kerana masyarakat dan negara berada di dalam alam nyata, maka ia tidak dapat memberi kesan besar kepada kehidupan masyarakat dan negara.

Yang dimaksudkan dengan alam nyata ialah iklim, tanah, air dan udara. Jika sekiranya masyarakat dan negara

¹⁴ Makna istilah, sila lihat "Glosari Istilah".

¹⁵ *Ibid*, hlm.29. (العمران البشري والاجتماع الإنساني وذو مسائل، وهي بيان ما يلحقه من العوارض والأحوال لذاته واحدة بعد أخرى. وهذا شأن كل علم من العلوم وضعيا كان أو عقليا)

mempunyai penampilan zahiriah dari segi peristiwa sejarah dan batiniah dari segi persejajaran dan kenegaraan, maka begitu jugalah alam di sekeliling kita. Perubahan dalam alam bukan berlaku secara semula jadi atau secara tabii tetapi ia digerakkan oleh hukum dan peraturan yang dicipta oleh Penciptanya iaitu Allah Ta'ala bagi kepentingan kehidupan makhluk di dunia, termasuk manusia. Oleh itu hubungan segi-tiga antara masyarakat, alam, dan kehidupan diibaratkan "tiga dalam satu". Manakala hubungan zahir-batin dalam segi-tiga itu pula ibarat "serampang dua mata". Kesemuanya berfungsi dan berinteraksi secara serentak antara satu sama lain dalam kehidupan masyarakat, negara dan kemakmuran sejagat "*al-'umran al-bashari*", "*'umran al-'alam*".

Dalam suasana berintegrasi dan bekerjasama antara elemen-elemen berkenaan terdapat pula perbezaan antara yang zahir seperti negara dengan yang batin seperti *'umran*. Seperti kata Ibn Khaldun, "perbandingan antara negara dan kuasa "*dawlah wa al-mulk*" dengan *'umran* ibarat perbandingan antara "bentuk (*surah*) dengan jirim (*maddah*)". Kelahiran rupabentuk negara dan kuasa adalah bagi menyatakan kewujudan *maddah* atau jirim *'umran*; kedua-duanya tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Negara dan kuasa tanpa *'umran* tidak dapat dibayangkan apa yang akan terjadi; begitu juga *'umran* tanpa negara dan kuasa tidak mungkin wujud"¹⁶.

Menurut kaedah ilmu falsafah, jirim atau zarah (dalam bahasa Arab *maddah* dan Inggeris *matter*) adalah zat dan asal sesuatu; zat akan kekal dan tidak berubah, sementara bentuk (*surah* atau *form*) adalah sifat yang tidak kekal dan berubah-ubah. Negara dan kuasa, sebagai contoh,

¹⁶ *Ibid*, hlm. 296. ... إن الدولة والملك للعمران بمثابة الصورة للمادة وهو الشكل الحافظ بنوعه لوجودها ... أنه لا يمكن انفكاك أحدهما عن الآخر. فالدولة دون العمران لا تتصور، العمران دون الدولة والملك متعذر

sering berubah-ubah, ada kalanya kuat dan ada kalanya lemah, bergantung pada kekuatan dan semangat setiakawan “asabiah”; jika asabiahnya kuat maka ia akan kekal dan berpengaruh, tetapi jika berlaku di sebaliknya ia akan menjadi lemah dan seterusnya musnah. Sementara ‘*umran*’ sebagai *maddah* “jirim” akan terus kekal dan tidak akan hilang walaupun tanpa *surah* “negara dan kuasa”. Ibn Khaldun telah memberikan contoh masyarakat badawi yang hidup di padang pasir tetap kekal dengan elemen ‘*umran*nya (*al-‘umran al-badwi*) walaupun tanpa negara dan kuasa¹⁷.

Dari kata-kata Ibn Khaldun itu tadi menggambarkan betapa besarnya perbezaan antara ‘*umran*’ dengan negara “*dawlah*” dan antara yang hakiki dengan wahmi. Contoh perbezaan ini diambil dari bidang tasawuf-falsafah, sepertimana yang digambarkan oleh Ibn Arabi mengenai hubungan Allah dengan alam dalam teori “*Wahdah al-Wujud*”.

Menurut Ibn Arabi, semua yang wujud adalah satu dan berasal dari satu iaitu Allah Ta’ala Yang Maha Pencipta. Kewujudan Allah adalah kewujudan yang hakiki, sementara kewujudan alam adalah kewujudan yang wahmi.¹⁸ Dengan kata lain, Allah diibaratkan seperti jirim “*maddah*” iaitu kewujudan yang hakiki, sementara alam sebagai bayangan “*surah*” bagi jirim yang bersifat wahmi. Kedua-duanya tidak boleh berpisah, ibarat “bayang manusia dalam cermin” atau “cahaya dengan lampu” atau “pokok dalam biji benih”. Kewujudan bayang, cahaya dan pokok adalah kewujudan

¹⁷ *Ibid.* hlm.120 walaupun ‘*umran*’ badawi mengalami banyak kekurangannya berbanding ‘*umran hadari*’ tetapi ia masih kekal dengan ke‘*umran*annya.

¹⁸ *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Jil 2, hlm. 457.

yang wahmi, sementara manusia, lampu dan biji benih pokok adalah kewujudan yang hakiki.

Dari erti dan maksud yang tersirat di sebalik kata-kata Ibn Khaldun dan Ibn Arabi itu dapatlah kita fahami bahawa *'umran* merupakan jirim (*maddah*) dan kewujudannya adalah kewujudan yang hakiki, sementara negara dan kekuasaan, kewujudannya adalah kewujudan yang wahmi. Tanpa dawlah *'umran* tetap wujud walaupun sedikit dan kedua-duanya saling memerlukan dan pengaruh mempengaruhi kerana suasana dan keadaan *'umran* akan turut berubah jika berlaku perubahan pada negara dan kekuasaan.

Kekuatan dan survival (kelangsungan hidup) sesebuah negara bergantung pada kekuatan dan ketahanan bangsa melalui semangat patriotisme (*'asabiyyah* menurut istilah Ibn Khaldun). Jika kekuatan dan ketahanan bangsa dan semangat patriotisme hilang maka pada kebiasannya negara dan kekuasaan akan turut hilang. Keadaan ini sudah pasti akan memberi impak yang besar ke atas *'umran*. Namun begitu, *'umran* sebagai jirim "*maddah*" dan kewujudannya adalah kewujudan yang hakiki tidak akan hilang dengan kehilangan negara dan kekuasaan dan paling tidaknya ia akan kembali kepada asal dalam bentuk *'umran badwi*" (*al-'umran al-badawi*).

Dalam konteks ilmu *'umran*, *asabiah* merupakan faktor "penggerak" kepada pembentukan dan kelangsungan negara dan kuasa yang mencerminkan rupa bentuk *maddah*, "*'umran*" iaitu kewujudan yang hakiki. Agama dan akhlak merupakan "pemangkin" kepada kewujudan yang hakiki itu. Dengan kata lain, agama, akhlak, *asabiah*, negara dan kuasa serta yang lainnya termasuk peraturan, disiplin dan perpaduan dalam masyarakat memainkan peranan utama

bagi melahirkan rupa bentuk *'umran* yang sebenar yang menjadi idaman masyarakat dan negara¹⁹.

Sifat *'umran* adalah “dinamik” dan mempunyai pelbagai bentuk dan dimensi fizikal dan bukan fizikal mengikut suasana dan keadaan masyarakat dan negara yang berlainan. Rupa bentuk *'umran* yang paling bawah dipanggil “*al-'umran al-badawi*” (*'umran* kaum Badawi di padang pasir), yang sederhana “*al-'umran al-hadari*” (*'umran* penduduk di kota), dan yang paling tinggi “*'umran al-'alam*” atau “*al-'umran al-bashari*” (kemakmuran manusia sejagat tanpa batas dan sempadan agama, bangsa atau kaum). Dalam pada itu ada pula bentuk-bentuk lain yang mewarnai *'umum* yang dinamakan *al-'umran al-ardi* (*'umran* di bumi).

Kepelbagaian bentuk, tahap dan dimensi *'umran* inilah yang mencerminkan “dinamisma”, “kreativiti” dan “inovasi” dalam pemikiran dan teori *'umran* Ibn Khaldun. Teori *'umran* tidak dipengaruhi oleh mana-mana pemikiran, sama ada dari pemikiran Yunani yang dibawa oleh Aristotle atau dari ajaran yang dibawa oleh tokoh Parsi, Mobedhan. Hal ini telah dinyatakan sendiri oleh Ibn Khaldun ketika teori *'umran* mula diperkenalkan dengan katanya, “kita sedar bahawa ini (merujuk kepada teori *al-'umran al-'alam* dan *al-'umran al-basyari*) adalah anugerah Allah Ta'ala tanpa dipengaruhi oleh Aristotle atau Mobedhan”.²⁰ Dan tidak pula dipengaruhi oleh tokoh-tokoh Islam sebelumnya seperti al-Mas'udi atau sezaman dengannya kerana teori

¹⁹ Menurut Ibn Khaldun, andainya salah satu daripada pemangkin tersebut hilang akan membawa kepada kerosakan *'umran* (*Muqaddimah*, hlm. 118).

²⁰ Lihat kata-kata beliau ini dipermulaan *Muqaddimah*; Mahmoud Dhaouadi, “*The Ibar: Lessons of Ibn Khaldun's 'Umran Mind*”, *Contemporary Sociology, American Sociological Association*, vol. 34, no. 6, 2005, hlm.585.

'*umran* yang hendak diperkenalkan oleh beliau bercanggah dengan teori-teori yang wujud pada ketika itu.

Berdasarkan hujah-hujah itu tadi maka jelaslah bahawa teori '*umran* merupakan ciptaan Ibn Khaldun sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pemikiran sama daripada kalangan orang bukan Islam mahupun daripada kalangan orang Islam sendiri kerana Ibn Khaldun lebih mengutamakan aspek dalaman dalam bentuk hukum alam (*tabi`at al-kawn*) dan hukum masyarakat (*tabi`at al-`umran*) yang mendasari setiap perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan negara dan bukan aspek luaran dalam bentuk peristiwa seperti pembentukan kerajaan dan kuasa yang sering dijadikan ukuran oleh leluhur-leluhurnya atau yang sezaman dengannya. Menurut Ibn Khaldun, aspek dalaman atau hukum yang tersembunyi inilah yang sebenarnya menentukan kebenaran peristiwa yang berlaku dan bukan aspek luaran yang membawa kepada sasaran '*umran*. Malah boleh dikatakan seluruh kajian Ibn Khaldun dalam *Muqaddimah* tertumpu pada aspek dalaman dalam bentuk hukum, sama ada hukum alam atau hukum masyarakat bagi menentukan kewujudan dan '*umran* dan bukan pada *asabiah* atau *dawlah* dalam bentuk lahiriah sepertimana yang didakwa oleh al-Husari dan al-Jabri.

Tujuan ilmu '*umran* diperkenalkan adalah bagi membezakan antara yang zahir dengan yang batin dalam sejarah dan antara yang benar (*haqq*) dengan yang palsu (*batil*) dalam sejarah berdasarkan kanun atau hukum masyarakat "*tabi`at al-`umran*". Bagi menentukan peristiwa itu benar-benar berlaku dalam sejarah yang mencetuskan "*umran*"²¹ adalah didasarkan kepada hujah serta contoh-contoh yang jelas dari sejarah dan ilmu sains serta diperkukuhkan melalui nas-nas al-Qur'an, hadith, dan logik.

²¹ *Muqaddimah*, hlm.29.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim.

Abd al-Rahman bin Khaldun. 1993. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, al-Tab'ah al-Ula.

Abd al-Sallam Harun (pyt.). 1960-1961. *al-Mu'jam al-Wasit*, 2 Jilid. Mesir: Majm' al-Lughah al-'Arabiyyah.

Abu Mansur Muhammad bin Ahmad al-Azhari (282-370 H). *Tahdhib al-Lughah*, Jilid

14. Kaherah: al-Dar al-Misriyyah Li al-Ta'lif wa al-Tarjumah.

Abul Hasan 'Ali Nadawi. 1973. *Islam and the World*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, Kashmiri Bazar.

Ahmad 'Ali al-Mala', 1996. *Athar al-'Ulama' al-Muslimin fi al-Hadarah al-Awrubiyyah*. Beirut. Dar al-Fikr al-Mu'asir (Dar al-Fikr Dimasq).

Ammar Abbas. 1941. *Ibn Khaldun's Prolegomena to History*. Cambridge: University of Cambridge.

Anis al-Abyad. 1994. *Buhuth fi Tarikh al-Hadarah al-'Arabiyyah al-Islamiyyah*, Tarablus, Lubnan: al-Tab'ah al-Ula. Jurus Bras.

Boukraa, R. 2008. "The Khaldunian Concept of 'Umran/Ijtima' in Light of the Current Paradigm of Post-Modern Society". *Journal of North African Studies*, Vol. 13, no. 3.

Bukhsh. 1927. "Ibn Khaldun and his history of Islamic Civilization". Hyderabad: *Islamic Culture*.

Carr, E.H. 1960. *What is History*. Marmondsworth: Penguin Books Ltd.

Collingwood, R.G. 1945. *The Idea of History*. London: Oxford University Press.

Erwin Rosenthal. 1940. "Ibn Khaldun: A north African Muslim thinker of the fourteenth century", dlm. *Rylands Library, Manchester, Bulletin, 1940*.

- Djamel Chabane. 2008. "The structure of 'umran al-'alam of Ibn Khaldun". *The Journal of North African Studies*, vol.13, issue 3 September 2008.
- Al-Farabi. 1968. *Kitab Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. Albert Nasri Nadir (ed.). Beirut: Dar al-Mashriq.
- Fakh al-Din al-Tarihi (w. 1985 H), *Majma' al-Bahrain*. Ahmad al-Husaiyni (ed.), Jilid 6. Beirut: Muassasah al-Wafa'.
- Al-Ghazali. 1358/1939. *al-Munqidh min al-Dalal*. Jamal Salibah dan kamil Ayyad (pyt.). Damsyik, Edisi ke 3: tanpa penerbit.
- Hamid Ghunaim Abu Sa'id. 2007. *Marakiz al-Hadarah al-Islamiyyah*, al-Qahirah: Dar al-Salam li-al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Turjumah.
- Hamidi Abu al-Futuh Afifah. 1986. *Aslamah Manhaj al 'Ulum al-Madrasiiyyah*. Mansurah (Mesir): Dar al-Wafa'.
- Hans Meyerhoff (ed.).1959.*The Philosophy of History in Our Time*. New York: Doubleday & Co. Inc.
- Ibn Ammar al-Saghir. 1976. *al-Ta'fikir al-'Ilmi 'inda Ibn Khaldun*. Iraq: al-Syarikah al-Wataniyyah li al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Idris Zakaria. 1991. *Teori Politik al-Farabi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Issawi, Charles. 1950. *An Arab Philosophy of History: Selections from the Prolegomena of Ibn Khaldun of Tunis (1332-1406)*, Wisdom of the East Series. London: John Murray.
- Fischel.W.1951. "Ibn Khaldun's Activities in Mamluk Egypt 1382-1406, dlm.*Semitic and Oriental Studies*. University of California, Berkeley.
- Gibb, H.A.R. 1935. "The Islamic Background of Ibn Khaldun's Philosophy" dlm. *Bulletin of the School of Oriental and African Studies*, University of London.

- Imad al-Din Khalil. (1975). *Al-Tafsir al-Islami li al-Tarikh*. Beirut: Dar al-Ilm li al-Malay in.Inan, Muhammad Abdullah.1941.
- Ibn Khaldun, *His Life and Work*. Lahore: Muhammad Aqshaf.
- Laroussi Amri. 2008. "The Concept of 'Umran Heuristic Knot in Ibn Khaldun" . *The Journal of North African Studies*, vol.13, issue 3 September 2008.2008.
- Leslie Stevenson. 1974. *Seven Theories of Human Nature*. New York and Oxford: OPU.
- Lewis, B. (ed.). (1971). *Encyclopedia of Islam*, Vol.3. Leiden:E.J. Brill (London, Luzac).
- Lindsay, A.D. 1964. *Plato's Republic* (translated). New York: Every Man's Library.
- Mahdi Muhsin .1954. *Ibn Khaldun`s Philosophy of History*, Chicago: University of Chicago.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 1992. "Surutan Konsep Ilmu Mengikuti Pandangan Sarjana-Sarjana Muslim Zaman Silam: Teori dan Kaedah". *Kesturi Jurnal Sains Islam: Penerbit UKM*.
- _____. 1984. *Pengrtian Sejarah Islam dan Permasalahannya*,. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana Sdn. Bhd..
- _____. 2001. *Tamadun Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Mahmoud Dhaouadi. 2005. "The Ibar`s Lessons of Ibn Khaldun`s 'Umran Mind" Contemporary Sociology, American Sociological Association, vol. 34. No. 6, hlm. 585-590.
- _____. *New Explanations Into the Making of Ibn Khaldun`s 'Umran Mind*. A.S. Noordeen (Malaysia).
- Mahmud Qasim. 1967.*Dirasat fi`l-Falsafah al-Islamiyah* (Ed ke-2). Mesir: Dar al-Ma`arif.Mesir.
- _____. 1954. *Nazariyah al-Ma`rifah `Inda Ibn Rusyd*. Qahirah: Matba`ah al-Anglo al-Misriyyah.

- Mohd. Yusof Ibrahim & Mahayudin Haji Yahaya. 1988. *Sejarawan dan Persejaraan: Ketokohan dan Karya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad `Abid al-Jabri. 1992. *Fikr Ibn Khaldun al-`Asabiyyah wa al-Dawlah*. Beirut. Markaz Dirasat al-Wihdah al-`Arabiyyah (al-Tab`ah al-Khamisah).
- Muhammad Sa`id Ramadan al-Buti. 1998. *Manhaj al-Hadarah al-Insaniyyah fi al-Qur`an*, Beirut: Dar al-Fikr al-Mu`asir.
- Muhammad Fa`iz al-Qasri. 1979. *Mazahir al-Thaqafah al-Islamiyyah wa Atharuha fi al-Hadarah*. Dimasq: Matba`ah Zaid bin Thabit.
- Muhammad Kurd `Ali. 1968. *Al-Islam wa al-Hadarah al-`Arabiyyah*. Al-Juz`al-Thani, al-Tab`ah al-Thalithah. Qahirah: Matba`ah Lajnah al-Ta`lif wa al-Tarjumah
- Muhammad Ismail Ibrahim. 1961. *Qamus al-Alfaz wa al-`Alam al-Qur`aniyyah* (Cetakan Pertama). Kahirah: Dar al-Fikir al-Arabi.
- Muhammad Yusuf b. Sulaiman Mayidin. 1931. *Kejatuhan Kaum-Kaum Islam dan Pergerakan Baharu*. Pulau Pinang: Jelutung Press.
- Mustafa al-Syak`ah. 1988. *al-Usus al-Islamiyyah fi fikr Ibn Khaldun*. Qaherah: al-Dar al-Misriyah al-Lubnaniyyah.
- Nashaat, M.A. 1944. "Ibn Khaldun, Pioneer Economist", dlm. *I`Egypte-Contemporaine*, vol 4, Cairo.
- Rosenthal E. 1940. "Ibn Khaldun, a north African Muslim thinker of the fourteenth century", dlm. *John Rylands Library*. Manchester Bulletin, Vol, 24.
- _____. 1958. (tr.) *The Muqaddimah, An Introduction to History*. Princeton: Princeton University Press.
- Sati` al-Husari. 1953. *Dirasat `an Muqaddimah Ibn Khaldun*. Qahirah: Maktabah al-Khanji (Beirut): Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Saiyid Qutb (t.t). *Fi Zilal al-Qur`an* (Jilid 8). Beirut: Dar al-`Arabiyyah.

- Siddiqi.(1965). *The Quranic Concept of History*. Karachi: Central Institute of Islamic Research.
- Spengler,O. (1945). *The Decline of the West*, tr by D.F.Atkinson. London: t.p.
- Syrier, M., “Ibn Khaldun and Islamic Mysticism”, dlm. *Islamic Culture*, Hyderabad.
- Tarif Khalidi.(1975). *Islamic Historiography*. Albani: State University of New York Press.
- Walter F. 1952. *Ibn Khaldun and Tamerlane, Their Historic Meeting in Damascus*. Berkeley.
- Wan Hashim dan Mahayudin Hj Yahaya (pyt.). 1984. *Sains Sosial Dari Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.